



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL.5/2001**

**PEMBERITAHUAN MENGENAI PENUKARAN NAMA KEPADA  
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**

**1. PENUKARAN NAMA**

- 1.1 Berkuat kuasa mulai 16 Mei 2001, Majlis Pembangunan Sumber Manusia akan dikenali sebagai **PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD** atau **PSMB**.

**2. NAMA PENERIMA BAYARAN**

- 2.1 Mulai tarikh 16 Mei 2001 juga, semua jemis bayaran termasuk bayaran levi semasa, levi tertunggak dan faedah hendaklah dibuat di atas nama **PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**.
- 2.2 Pembayaran ini hendaklah dibuat di mana-mana cawangan RHB Bank atau Public Bank dengan menggunakan nombor bank seperti berikut:

**RHB Bank : 21433437000066**

**Public Bank : 39999060003**

**3 PERHUBUNGAN**

- 3.1 Penukaran ini tidak melibatkan perubahan kepada alamat surat menyurat, nombor telefon, nombor faks dan alamat laman web **PSMB**.

**4. PENGGUNAAN BORANG**

**4.1 Bayaran Levi Dan faedah**

- 4.1.1 Penggunaan borang-borang yang sedia ada seperti Borang 3A bagi bayaran levi semasa, Borang 3B bagi bayaran levi tertunggak dan Borang D bagi bayaran faedah masih lagi boleh digunakan sehingga PSMB mengeluarkan borang-borang baru.

**4.2 Borang Permohonan Dan Borang Tuntutan Geran Latihan**

- 4.2.1 Borang permohonan mengikut kursus dan borang tuntutan geran latihan di bawah skim-skim latihan yang sedia boleh terus digunakan sehingga PSMB mengeluarkan dan mengedarkan borang-borang baru yang lain.

**4.3 Rujukan Nama Dalam Borang**

- 4.3.1 Selaras dengan penguatkuasaan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001, semua penggunaan perkataan Majlis Pembangunan Sumber Manusia atau MPSM dalam borang 3A, Borang 3B, Borang D, Borang permohonan mengikut kursus dan borang tuntutan geran latihan hendaklah merujuk sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau PSMB.

5 **Penguatkuasaan Seksyen 41**  
**Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001**

- 5.1 Majikan boleh didakwa menurut seksyen 41 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 jika didapati telah melakukan penipuan dan mendapatkan bantuan kewangan secara salah walaupun di dalam borang tuntutan geran latihan, pengakuan mengenai penipuan dan pengemukaan maklumat palsu ini dinyatakan di bawah seksyen 7, Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**" LATIHAN BERTERUSAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN "**

**" K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

**( AMIRNUDDIN BIN MAZLAN )**

Pengarah Kewangan

b.p. Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia